

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	10 SEPTEMBER 2016

PPBM luaskan lagi perpecahan Melayu

BH - 10/9/2016

Semalam, Presiden Parti Peribumi Bersatu Malaysia (PPBM), Tan Sri Muhyiddin Yasin datang ke pejabat Pendaftaran Pertubuhan (ROS) di Putrajaya untuk mengambil sijil pendaftaran PPBM. Sijil pendaftaran bertarikh 8 September itu menyebut adalah diperakui bahawa PPBM didaftarkan sebagai suatu pertubuhan di bawah Seksyen 7 Akta Pertubuhan dan bahawa nombor pendaftarannya ialah PPM-007-14-08092016.

Tahniah kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak dan Timbalan Perdana Menteri yang juga Menteri Dalam Negeri, Datuk Seri Dr Zahid Hamidi kerana tidak menggunakan kuasa untuk menghalang PPBM didaftarkan.

Perlu diingat, ketika Tun Dr Mahathir Mohamad menjadi Perdana Menteri, permohonan pendaftaran Parti Sosialis Malaysia (PSM) yang dibuat pada 1998 tidak dilayan, hanya selepas beliau bersara ia diluluskan.

Maka bermula tugas sukar PPBM mencari ahli dan menuhkan cawangan sehingga Muhyiddin menyebut mesyuarat agung pertama bagi pemilihan kepimpinan parti itu hanya akan diadakan pada tahun depan. Dr

Mahathir selaku Pengerusi PPBM, yang mengiringi Muhyiddin hadir ke ROS, pula menekankan kepentingan kerjasama pembangkang dengan menyebut, 'kita akan berusaha untuk parti pembangkang bekerjasama.'

Jika beliau boleh bekerjasama dengan Lim Kit Siang, mengapa tidak dengan Datuk Seri Anwar Ibrahim, katanya, membayangkan pertemuan dengan Anwar pada 5 September lalu bukan menyentuh Akta Majlis Keselamatan Negara (MKN) sahaja. Pengakuan Dr Mahathir mengesahkan tiga perkara – tanggapannya DAP adalah lebih teruk daripada PKR, PPBM sudah bekerjasama dengan DAP yang teruk dan PPBM juga sedia bekerjasama dengan PKR yang dilihat kurang teruk berbanding DAP.

Tak demokratik tadbir PPBM

Kenyataan Dr Mahathir ini menjadi petunjuk kebenaran dakwaan saya bahawa beliau selaku Pengerusi akan lebih berkuasa dalam parti berbanding Muhyiddin selaku Presiden dan PPBM tidak akan ditadbir secara demokratik. Pengesahan kerjasama PPBM dan DAP, mengambarkan kesungguhan Dr Mahathir menjatuhkan Najib, menjadikan laungan konon PPBM ditubuh bagi

perjuangkan kepentingan peribumi tidak lagi bermakna.

Kesediaan Dr Mahathir bekerjasama dengan Anwar pula dilihat tidak mampu memberi impak besar kepada politik negara, sekarang pun ahli dan penyokong PKR yang menyaksikan sendiri kezaliman pada era reformasi, tetap menolak beliau. Dalam PKR, kemunculan Dr Mahathir bersama Timbalan Presiden PKR, Datuk Seri Azmin Ali di Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur, baru-baru ini, menimbulkan spekulasi ia agenda politik Azmin untuk mengukuhkan kedudukannya dalam parti.

Apabila Dr Mahathir hanya menyebut nama Kit Siang dan Anwar bila mengulas soal kerjasama pembangkang, ia boleh menimbulkan pertanyaan mengapa nama Datuk Seri Hadi Awang dan nama Mohamad Sabu tidak disebut sama. Mahu tidak mahu, PAS dan Parti Amanah Negara perlu diakui ada kekuatan tersendiri dalam politik negara, walaupun PAS tidak menyertai Pakatan Harapan (PH), Parti Amanah Negara pula adalah komponen PH bersama PKR dan DAP.

Perjanjian PH pada 9 Januari lalu menyatakan setiap komponen PH tidak akan berunding se-

cara bersendirian dengan parti lain mengenai sebarang perkara bersabit pilihan raya tanpa memaklumkan kepada Majlis Presiden PH terlebih dahulu.

Mustahil serah kerusi

Keputusan Mesyuarat Majlis Presiden PH itu supaya 'pembentangan dan rundingan dengan rakyat mengenai Dasar Bersama PH yang menyeluruh dipercepatkan supaya tumpuan kembali kepada rakyat' juga kelihatan tidak dilaksanakan. Sebaliknya, yang kelihatan lebih terkehadapan ialah PKR, termasuklah inisiatif persendirian pemimpinnya menganjurkan pertemuan dengan Muhyiddin pada 30 Julai lalu sehingga menimbulkan tanda tanya.

Sebahagian pemimpin PKR mungkin menerima Dr Mahathir sebagai ketua, adalah mustahil parti lain bersepakat menerima beliau, apatah lagi menyerahkan kerusi yang menjadi idaman sejak sekian lama kepada PPBM. Kewujudan PPBM, dialu-alukan kerana memeriahkan lagi demokrasi, hanya akan menambahkan kompleksiti di antara pembangkang, logiknya ialah lebih banyak parti berteraskan Melayu maka lebih meluaslah perpecahan.